



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

## **GARIS PANDUAN PASCA KEDOKTORAN**

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PENDAFTAR**



## **GARIS PANDUAN PASCA KEDOKTORAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Hak Cipta @ Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- Garis Panduan Pasca Kedoktoran Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1 Tahun 2024 bertarikh 23 Mac 2024.
- Garis Panduan Pasca Kedoktoran Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) Kali ke 33 Bil 5/2023 bertarikh 20 November 2023.

**ISI KANDUNGAN**

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKASURAT</u></b>
1. PENGENALAN	1
2. TUJUAN	1
3. SYARAT DAN KELAYAKAN	1-3
4. PERANCANGAN PASCA KEDOKTORAN	4
5. PENETAPAN SASARAN/PETUNJUK PRESTASI UTAMA	4-5
6. PENETAPAN KUOTA PASCA KEDOKTORAN	5
7. TEMPOH PASCA KEDOKTORAN	6
8. TEMPAT PASCA KEDOKTORAN	6-7
9. KAEDAH PERMOHONAN	8
10. MAKLUMAT PASCA KEDOKTORAN	8
11. GAJI PEGAWAI	8
12. CUTI REHAT	8-9
13. KEMUDAHAN DAN ELAUN	9-10
14. BANTUAN LUAR	11
15. PEMERIKSAAN KESIHATAN	11
16. PENYEDIAAN PASPORT DAN VISA (LUAR NEGARA)	11
17. IKATAN PERJANJIAN	11-13

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKASURAT</u></b>
18. SAKIT TERUK DAN BERPANJANGAN	13
19. TATATERTIB	13-14
20. TUGAS	14
21. TANGGUNGJAWAB	
21.1 KELAKUAN	14-15
21.2 KEGIATAN POLITIK	15-16
21.3 LAPORAN DAN PENILAIAN	16
22. PERTUKARAN PENYELIA	16
23. PERTUKARAN BIDANG / TEMPAT PASCA KEDOKTORAN	17
24. PENANGGUHAN PASCA KEDOKTORAN	17
25. PELANJUTAN TEMPOH PASCA KEDOKTORAN	17
26. GAGAL PASCA KEDOKTORAN	17
27. HAK UNIVERSITI	18
28. CARTA ALIR	19

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan ini dinamakan Garis Panduan Pasca Kedoktoran Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.
- 1.2 Garis panduan ini merupakan satu kemudahan yang disediakan kepada staf akademik berjawatan pensyarah bagi menggalakkan mereka menjalankan penyelidikan dalam bidang kepakaran dengan kumpulan penyelidikan di dalam dan luar negara.

## 2.0 TUJUAN

- 2.1 Meningkatkan mutu pengajaran dan pendidikan melalui latihan berterusan dalam pelbagai kepakaran bagi seseorang pegawai akademik;
- 2.2 Meningkatkan kompetensi diri pegawai akademik dalam menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan akademik;
- 2.3 Menambahkan kepakaran dan pengalaman penyelidikan dan/atau pengurusan penyelidikan;
- 2.4 Memperluaskan jaringan penyelidikan;
- 2.5 Menggalakkan mobiliti pegawai akademik bagi tujuan penjenamaan bersama dan pengantarabangsaan Universiti;
- 2.6 Menggalakkan seseorang pensyarah mempunyai dua (2) bidang kepakaran yang berlainan dalam memantapkan pembangunan modal insan.

## 3.0 SYARAT DAN KELAYAKAN

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Pensyarah lantikan tetap;
- 3.3 Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 3.4 Umur TIDAK melebihi 45 tahun dari tarikh mula;
- 3.5 Bebas daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan mahkamah;
- 3.6 Bebas dari senarai hitam PTPTN;
- 3.7 Hanya ditawarkan SEKALI SAHAJA dalam tempoh perkhidmatan;
- 3.8 Berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas dianugerahkan Doktor Falsafah;

- 3.9 Tidak pernah mengikuti penyelidikan peringkat Pasca Kedoktoran;
- 3.10 Keutamaan diberikan kepada bidang-bidang kritikal yang diputuskan oleh Fakulti/Universiti;
- 3.11 Tidak boleh dilantik sebagai penyelia utama pelajar pasca siswazah KECUALI pelajar sedia ada di bawah penyeliaannya;
- 3.12 Tidak boleh mengetuai sebarang projek penyelidikan KECUALI pegawai menjalani Pasca Kedoktoran di dalam Universiti ini;
- 3.13 IELTS/TOEFL DIKECUALIKAN;
- 3.14 Mendapat sokongan/perakuan daripada Ketua Jabatan (Dekan/Pengarah);
- 3.15 Tidak Terpakai kepada pegawai akademik yang sedang Cuti Belajar Sepenuh Masa atau Sangkutan Staf atau Cuti Sabatikal;
- 3.16 Sebarang bentuk cukai contohnya council tax yang dikenakan merupakan tanggungjawab pegawai sendiri.
- 3.17 Syarat **bagi permohonan di Luar Negara:**
- i) Bidang penyelidikan yang akan diikuti terbukti **TIADA KEPAKARAN / TEKNOLOGI DI DALAM NEGARA;**
  - ii) Tajuk penyelidikan dan bahan kajian **tidak berasaskan data dan sampel yang diperolehi di dalam negara** khususnya data-data yang mempunyai kepentingan strategik kepada ekonomi dan keselamatan negara;
  - iii) Pemilihan universiti;
    - a) selain United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia atau yang mengenakan yuran percuma/yuran minimum di **kedudukan 100 terbaik dunia keseluruhan atau by subject** berdasarkan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings / Times Higher Education (THE) World University Rankings / The Academic Ranking of World Universities (Shanghai Ranking)*;
    - ATAU**
    - b) di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia perlu berada di kedudukan **25 terbaik dunia keseluruhan atau by subject** berdasarkan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings / Times Higher Education (THE) World*

*University Rankings / The Academic Ranking of World Universities (Shanghai Ranking).*

*(Tertakluk kepada perubahan penetapan ranking dari pihak KPT dari masa ke semasa).*

- iv) H-Indeks SCOPUS Penyelia minimum 20;
- v) **LULUS** Tapisan Keselamatan Kerajaan (bagi permohonan penyelidikan luar negara).

**3.18 Syarat bagi permohonan di Dalam Negara:**

- i) Semua 20 Universiti Awam
- ii) *Government-linked Universities (GLU)* seperti berikut:
  - a) Universiti Teknologi Petronas (UTP);
  - b) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN);
  - c) Universiti Multimedia (MMU); dan
  - d) Universiti Kuala Lumpur (UniKL).
- iii) Kampus Cawangan Luar Negara (KCLN) seperti berikut:
  - a) Monash University Malaysia;
  - b) University of Southampton Malaysia;
  - c) University of Nottingham Malaysia;
  - d) University of Reading Malaysia;
  - e) Curtin University Malaysia;
  - f) Heriot-Watt University Malaysia; dan
  - g) Swinburne University of Technology Sarawak Campus

*(Tertakluk kepada perubahan penetapan ranking dari pihak KPT dari masa ke semasa).*

#### 4.0 PERANCANGAN PASCA KEDOKTORAN

PERINGKAT PERANCANGAN:		
UNIVERSITI	FAKULTI	INDIVIDU
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memastikan bidang penyelidikan yang akan diikuti terbukti tiada kepakaran / teknologi di dalam negara (jika ke Luar Negara);</li> <li>➤ Memastikan hanya pegawai yang berkeelayakan dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Universiti ini dan atau penaja untuk diperakukan dan diluluskan menjalani Pasca Kedoktoran;</li> <li>➤ Memastikan hanya 1 pegawai dari setiap fakulti diluluskan menjalani Pasca Kedoktoran ini dalam satu-satu masa/tahun semasa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merancang bidang keperluan yang bersesuaian;</li> <li>➤ Menyediakan pelan penggantian bagi perancangan Pengajaran &amp; Pembelajaran (P &amp; P) Fakulti dalam tempoh ketiadaan pegawai berkenaan;</li> <li>➤ Merancang sekurang-kurangnya hanya 1 pegawai akademik sahaja yang berkeelayakan dan memenuhi syarat untuk diperakukan menjalani Pasca Kedoktoran dalam satu-satu masa dan/atau pada tahun semasa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merancang penyelidikan yang akan dijalani adalah berdasarkan bidang di fakulti;</li> <li>➤ Memastikan bidang penyelidikan yang akan diikuti terbukti tiada kepakaran / teknologi di dalam negara (jika ke Luar Negara);</li> <li>➤ Memastikan hasil penyelidikan kelak memberi impak dan hasil yang dapat memberi impak kepada individu, Fakulti, Universiti dan negara.</li> </ul>

#### 5.0 PENETAPAN SASARAN/PETUNJUK PRESTASI UTAMA

- 5.1 Mengemukakan cadangan perancangan Pasca Kedoktoran;
- 5.2 Menerbitkan sekurang-kurangnya empat (4) artikel dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh melaporkan diri bertugas semula di Universiti ini dengan dua (2) daripadanya dalam WOS Q1;

- 5.3 Sebarang kertas kerja penyelidikan termasuk penerbitan jurnal yang dihasilkan hendaklah disertakan bersama:
- i) Nama pegawai;
  - ii) Nama penyelia;
  - iii) Nama ahli kajian yang terlibat;
  - iv) Nama tempat penyelidikan sebagaimana yang diluluskan; dan
  - v) Nama Universiti ini selaku majikan.
- 5.4 Hasil penyelidikan (*outcomes*) yang diperolehi perlu didaftarkan dan disahkan dalam tempoh maksimum 12 bulan yang dikira dari tarikh lapor diri bertugas semula di Universiti ini sebagaimana perancangan pegawai.

## 6.0 PENETAPAN KUOTA PASCA KEDOKTORAN

### 6.1 Bagi tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT):

- i) Tertakluk kepada kuota penajaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
- ii) Sebarang permohonan rayuan menukar kuota Dalam Negara kepada Luar Negara adalah tertakluk kepada keputusan pihak KPT.

### 6.2 Bagi tajaan Universiti:

- i) Sekiranya terdapat keperluan bagi permohonan yang melebihi dari kuota yang ditetapkan oleh pihak KPT, pihak Universiti boleh mempertimbangkan permohonan Pasca Kedoktoran ini di bawah penajaan Universiti ini, namun masih tertakluk kepada peruntukan kewangan Universiti;
- ii) Cadangan kelulusan di bawah penajaan Universiti adalah bergaji penuh dengan Penajaan (kadar bujang sahaja).

- 6.3 Pertimbangan untuk kelulusan adalah diberikan kepada satu (1) pensyarah sahaja dari fakulti yang sama dalam satu-satu masa atau pada tahun semasa.

## 7.0 TEMPOH PASCA KEDOKTORAN

- 7.1 Tempoh Pasca Kedoktoran yang dibenarkan adalah **1 ATAU 2 TAHUN SAHAJA** (Keutamaan bagi tempoh 1 tahun Sahaja);
- 7.2 Tempoh Pasca Kedoktoran meliputi:
- i) Masa dalam perjalanan ke tempat Pasca Kedoktoran dan kembali melalui perjalanan yang paling dekat dan kadar tambang paling murah; dan
  - ii) Masa menunggu di tempat Pasca Kedoktoran akibat kelewatan urusan perjalanan yang tidak dapat dielakkan.
- 7.3 Tarikh Mula dan Tamat Pasca Kedoktoran:
- i) Tarikh mula dan tamat adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam surat kelulusan Universiti; atau
  - ii) Tarikh diarahkan kembali oleh Universiti atas sebab-sebab tertentu.
- 7.4 Universiti boleh menamatkan Pasca Kedoktoran yang diluluskan ini pada mana-mana tarikh yang lebih awal sekiranya didapati pegawai telah menunjukkan prestasi kurang memuaskan berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh pihak tempat Pasca Kedoktoran;
- 7.5 Pegawai yang menamatkan Pasca Kedoktoran ini dikehendaki melapor diri untuk bertugas semula dalam tempoh **SATU hari (1)** selepas tamat kelulusan Pasca Kedoktoran ini di Fakulti/jabatan pegawai.

## 8.0 TEMPAT PASCA KEDOKTORAN

8.1 Tempat Pasca Kedoktoran adalah sebagaimana berikut:

Dalam negara	Luar negara
1) Semua 20 Universiti Awam. 2) <i>Government-linked Universities</i> (GLU) seperti berikut: i) Universiti Teknologi Petronas (UTP); ii) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN); iii) Universiti Multimedia (MMU); dan iv) Universiti Kuala Lumpur (UniKL).	1) Bidang penyelidikan yang akan diikuti terbukti <b>TIADA KEPAKARAN / TEKNOLOGI DI DALAM NEGARA</b> ; 2) Tajuk penyelidikan dan bahan kajian <b>tidak berasaskan data dan sampel yang diperolehi di dalam negara</b> khususnya data-data yang mempunyai kepentingan strategik kepada ekonomi dan keselamatan negara; 3) Pemilihan universiti : i) selain United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia atau yang mengenakan yuran percuma/yuran minimum di

Dalam negara	Luar negara
<p>3) Kampus Cawangan Luar Negara (KCLN) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Monash University Malaysia;</li> <li>ii) University of Southampton Malaysia;</li> <li>iii) University of Nottingham Malaysia;</li> <li>iv) University of Reading Malaysia;</li> <li>v) Curtin University Malaysia;</li> <li>vi) Heriot-Watt University Malaysia; dan</li> <li>vii) Swinburne University of Technology Sarawak Campus.</li> </ul> <p><i>(Tertakluk kepada perubahan penetapan ranking dari pihak KPT dari masa ke semasa).</i></p>	<p><b>kedudukan 100 terbaik dunia keseluruhan atau by subject</b> berdasarkan <i>Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings / Times Higher Education (THE) World University Rankings / The Academic Ranking of World Universities (Shanghai Ranking);</i>  <b>ATAU</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii) di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia perlu berada di <b>kedudukan 25 terbaik dunia keseluruhan atau by subject</b> berdasarkan <i>Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings / Times Higher Education (THE) World University Rankings / The Academic Ranking of World Universities (Shanghai Ranking).</i>  <i>(Tertakluk kepada perubahan penetapan ranking dari pihak KPT dari masa ke semasa).</i></li> </ul> <p>4) Keutamaan kepada negara yang mengenakan yuran percuma atau berpatutan dengan kepelbagaian negara destinasi penyelidikan namun tidak melebihi ranking yang ditetapkan;</p> <p>5) Dibuktikan pengiktirafan program/bidang dengan pihak MQA/badan profesional di Malaysia;</p> <p>6) Sebarang bentuk cukai contohnya <i>council tax</i> yang dikenakan merupakan tanggungjawab pegawai.</p>

- 8.2 Pegawai hendaklah mengikuti pasca kedoktoran sebagaimana yang telah diluluskan;
- 8.3 Pegawai adalah **DILARANG** sama sekali berpindah tempat Pasca Kedoktoran yang diluluskan **TANPA** mendapat kebenaran Universiti **KECUALI** atas sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah oleh Pihak Pengurusan Universiti. Sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi, Universiti boleh menarik balik dan membatalkan kelulusan Pasca Kedoktoran ini dan pegawai akan dipanggil balik dengan serta merta.

## 9.0 KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan pasca kedoktoran hendaklah dibuat melalui kaedah yang sedang berkuatkuasa sama ada di peringkat Universiti ini atau di peringkat penaja (KPT).

## 10.0 MAKLUMAT PASCA KEDOKTORAN

Pegawai dikehendaki mengemukakan bukti tarikh pendaftaran di tempat Pasca Kedoktoran yang diluluskan dengan perakuan pihak di tempat Pasca Kedoktoran yang berkenaan dalam bentuk dokumen rasmi pengesahan pendaftaran kepada pihak Universiti ini.

## 11.0 GAJI PEGAWAI

Pegawai akan dibayar gaji penuh oleh pihak Universiti termasuk elaun - elaun yang layak diperolehi mengikut gred gaji jawatan hakikinya semasa mengikuti Pasca Kedoktoran ini.

## 12.0 CUTI REHAT

- 12.1 Pegawai dikehendaki menghabiskan cuti rehat yang dikumpulkan sebelum memulakan Pasca Kedoktoran;
- 12.2 Kemudahan cuti rehat semasa tempoh pasca kedoktoran ini adalah mengikut peraturan kemudahan cuti yang sedang berkuatkuasa di Universiti ini. (mengikut kelayakan tahun semasa);
- 12.3 Pegawai **TIDAK DIBENARKAN** meninggalkan penyelidikan untuk tujuan bercuti tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan pihak Universiti ini. Oleh itu, bagi tujuan menunaikan haji sepertimana yang diperuntukkan dalam perkhidmatan, pegawai dalam kategori ini tidak boleh menggunakan kemudahan berkaitan. Namun begitu pegawai berkaitan perlu memaklumkan kepada pihak yang menguruskan Cuti Haji dan melipatgandakan usaha untuk menghabiskan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan kerana **tidak ada tempoh tambahan yang akan diberikan kerana menunaikan haji dalam tempoh kelulusan ini;**

- 12.4 Pegawai wanita yang diluluskan Pasca Kedoktoran yang melahirkan anak dibenarkan bercuti mengikut peraturan yang ditetapkan dalam peraturan perkhidmatan dengan mengemukakan sijil cuti dari hospital kerajaan. Bilangan anak yang dibenarkan juga mengikut peraturan perkhidmatan. Namun begitu pegawai berkenaan perlu melipatgandakan usaha untuk menghabiskan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan kerana **TIDAK ADA tempoh tambahan yang akan diberikan kerana cuti bersalin dalam tempoh kelulusan ini.**

### 13.0 KEMUDAHAN DAN ELAUN

Semasa mengikuti Pasca Kedoktoran ini, pegawai adalah layak menerima elaun dan kemudahan seperti berikut:

- 13.1 Pegawai dan tanggungannya adalah layak mendapat rawatan dan kemudahan perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan Universiti. Di tempat-tempat yang tidak terdapat klinik panel, pegawai hendaklah mendapatkan rawatan dan kemudahan perubatan daripada klinik atau hospital kerajaan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti;
- 13.2 Elaun dibayar kepada pegawai adalah **KADAR BUJANG** sahaja. Maklumat jenis elaun atau pembiayaan yang akan dibayar adalah sebagaimana berikut,

Jenis Elaun/ Pembiayaan	Luar Negara	Dalam Negara
Bergaji Penuh	Layak	
Bantuan Sara Hidup (COLA)	Tiada	Mengikut Penempatan
Tiket Penerbangan	Tambang perjalanan pergi dan balik bagi laluan terdekat dan termurah	Tidak berkenaan
Yuran	Layak (Keutamaan untuk mendapatkan tempat Pasca Kedoktoran di negara yang mengenakan yuran percuma atau yuran minimum)	
Elaun Sara Hidup (Bulanan)	Berdasarkan jadual kadar elaun KPT/JPA yang sedang berkuatkuasa	

Jenis Elaun/ Pembiayaan	Luar Negara	Dalam Negara
Elaun Buku (Tahunan)	Berdasarkan jadual kadar elaun KPT/JPA yang sedang berkuatkuasa	
Elaun Alat Perkakas (Tahunan)	Berdasarkan jadual kadar elaun KPT/JPA yang sedang berkuatkuasa	
Elaun Penempatan (ONE OFF)	Berdasarkan jadual kadar elaun KPT/JPA yang sedang berkuatkuasa	
Elaun Akhir Pengajian (One OFF)	Berdasarkan jadual kadar elaun KPT/JPA yang sedang berkuatkuasa	
Elaun Pakaian Panas	Tertakluk kepada syarat dan kelayakan elaun pakaian panas bagi pegawai dalam perkhidmatan awam yang sedang berkuatkuasa	Tidak berkenaan
Insurans kesihatan	Layak (Sekiranya ditetapkan oleh tempat penyelidikan – dinyatakan pada surat tawaran)	Tidak berkenaan
Elaun-elaun khas pentadbiran dan elaun kritikal	Elaun-elaun khas pentadbiran dan elaun kritikal yang diterima akan dihentikan dan tidak akan diberi selama tempoh menjalani program tersebut.	

- 13.3 Pegawai yang diluluskan Pasca Kedoktoran sama ada di dalam atau luar negara **tidak dibenarkan** menggunakan kemudahan Universiti ini seperti ruang pejabat, telefon dan komputer pejabat. **PENGECUALIAN** hanya dibenarkan kepada pegawai yang diluluskan Pasca Kedoktoran di Universiti ini sahaja;
- 13.4 Namun begitu, pegawai yang diluluskan Pasca Kedoktoran dalam negara masih boleh menggunakan kemudahan Universiti ini seperti perpustakaan, komputer di makmal (perlu memohon kebenaran daripada Ketua Pusat Tanggungjawab berkenaan), kemudahan perubatan dan kemudahan klinik panel.

## 14.0 BANTUAN LUAR

Pegawai hendaklah memaklumkan kepada pihak Universiti sekiranya menerima bantuan kewangan dan kemudahan dari sumber selain dari Universiti ini atau penganjur yang diluluskan oleh Universiti.

## 15.0 PEMERIKSAAN KESIHATAN

15.1 Pemeriksaan kesihatan hendaklah dijalankan **di hospital atau klinik kerajaan sahaja**. Namun demikian, dalam kes-kes tertentu, permohonan selain yang dinyatakan di atas, perlu dibawa ke pihak Pengurusan Universiti untuk kelulusan.

15.2 Sekiranya pegawai menerima penajaan dari:

- i) **KPT**: menggunakan borang yang disediakan oleh pihak berkenaan dan mengemukakan salinan laporan pemeriksaan kesihatan kepada Universiti ini; atau
- ii) **Universiti Majikan**: menggunakan borang yang disediakan dan mengemukakan salinan laporan pemeriksaan kesihatan kepada Universiti ini.

## 16.0 PENYEDIAAN PASPORT DAN VISA (LUAR NEGARA)

16.1 Penyediaan pasport dan visa pegawai adalah urusan pegawai sendiri;

16.2 Pihak Universiti **TIDAK** membiayai kos penyediaan pasport dan visa pegawai.

## 17.0 IKATAN PERJANJIAN

17.1 Pegawai dikehendaki menandatangani dokumen perjanjian Pasca Kedoktoran sebagaimana yang telah ditetapkan. Dengan ini, pegawai akan terikat untuk terus berkhidmat dengan Universiti ini setelah tamat tempoh Pasca Kedoktoran selama tempoh yang telah ditetapkan;

17.2 Perjanjian boleh ditamatkan dan tuntutan ganti rugi boleh dikenakan terhadap pegawai sekiranya pegawai:

- i) menarik diri atau menangguhkan tempoh Pasca Kedoktoran tanpa kebenaran pihak Pengurusan Universiti ini;
- ii) diberhentikan/ditamatkan tempoh Pasca Kedoktoran oleh pihak tempat Pasca Kedoktoran kerana masalah disiplin atau sebab-sebab lain yang telah ditetapkan di bawah peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkenaan;
- iii) melanggar apa-apa klausa di dalam perjanjian yang telah dimeterai oleh pegawai dan penjamin-penjamin

17.3 Tempoh ikatan perjanjian dan jumlah gantirugi adalah sebagaimana di bawah

Bil	Kategori	Tempoh Ikatan Perjanjian :		Jumlah Gantirugi
		12 Bulan	24 Bulan	
1	Pasca Kedoktoran Dengan Penajaan	24 Bulan	48 Bulan	Kos Sebenar
2	Pasca Kedoktoran Tanpa Penajaan	12 Bulan	24 Bulan	Kos Sebenar

\* Penting:

- 1) **Kos Sebenar** merangkumi segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Universiti termasuk gaji (emolumen), yuran, elaun dan lain-lain perbelanjaan yang berkenaan sepanjang tempoh kelulusan;
- 2) **Ikatan Perjanjian** bermula dari tarikh Perjanjian ditandatangani;
- 3) **Tempoh Ikatan Perjanjian** untuk berkhidmat adalah bermula dari tarikh Pegawai melapor diri bertugas semula di Universiti. Sekiranya Pegawai masih terikat dengan mana-mana kontrak dengan Universiti, maka tempoh ikatan ini hendaklah ditambah dengan tempoh ikatan yang berkenaan itu.

- **Dengan penajaan**
  - Pembiayaan ditanggung sepenuhnya oleh UNIVERSITI meliputi yuran, elaun dan lain-lain perbelanjaan yang berkenaan sepanjang tempoh kelulusan termasuk gaji/emolumen.
- **Tanpa Penajaan**
  - Pembiayaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) meliputi yuran, elaun dan lain-lain perbelanjaan yang berkenaan sepanjang tempoh kelulusan. Universiti hanya membayar gaji/emolumen sahaja.

17.4 Sekiranya pegawai tidak menandatangani atau menyempurnakan perjanjian ini dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat tawaran dikeluarkan atau sebelum pegawai mendaftar di tempat Pasca Kedoktoran, mana yang terdahulu, maka kelulusan dan tawaran Pasca Kedoktoran ini akan ditarik balik.

## 18.0 SAKIT TERUK DAN BERPANJANGAN

- 18.1 Pegawai dikehendaki kembali berkhidmat sekiranya mendapat sakit teruk dan berpanjangan yang boleh menyebabkan Pasca Kedoktoran pegawai terjejas. Universiti akan menarik balik dan menamatkan kelulusan tersebut dan pihak Universiti tidak akan melayani apa-apa tuntutan gantirugi berkenaan perkara ini;
- 18.2 Walau bagaimanapun Universiti di atas pertimbangan tertentu, setelah mendapat bukti bahawa pegawai tidak dapat meneruskan Pasca Kedoktoran ini kerana disebabkan sakit berpanjangan, boleh menangguhkan pasca kedoktoran ini dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

## 19.0 TATATERTIB

- 19.1 Dalam tempoh Pasca Kedoktoran ini, pegawai adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Universiti 1971 serta pindaan-pindaannya;

- 19.2 Pegawai adalah dikehendaki pada setiap masa berkelakuan selaras dan seimbang dengan tanggung-jawab sebagai pegawai Badan Berkanun Kerajaan Malaysia dan pegawai Universiti.

## **20.0 TUGAS**

- 20.1 Bagi Pasca Kedoktoran di luar negara, pegawai dikehendaki membuat permohonan kebenaran ke luar negara sebagaimana prosedur yang sedang berkuatkuasa di Universiti ini;
- 20.2 Pegawai dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran bertulis kepada Universiti yang diperakukan oleh penyelia di tempat Pasca Kedoktoran yang berkenaan;
- 20.3 Membenarkan majkan di tempat Pasca Kedoktoran mengemukakan laporan kemajuan pegawai kepada Universiti ini; dan
- 20.4 Kembali ke Universiti ini dengan kadar segera sebaik sahaja tamat tempoh Pasca Kedoktoran yang diluluskan.

## **21.0 TANGGUNGJAWAB**

### **21.1 KELAKUAN**

- i) Semasa mengikuti Pasca Kedoktoran, pegawai dikehendaki berkelakuan sebagai seorang pegawai Badan Berkanun Kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi arahan-arahan / peraturan - peraturan yang dikeluarkan oleh Universiti ini dan kerajaan Malaysia dari masa ke semasa. Tindakan sewajarnya akan diambil seandainya pegawai melanggar arahan / peraturan yang dikeluarkan itu;
- ii) Sekiranya pegawai didapati atau dilaporkan terlibat dalam mana-mana kes jenayah dan apa-apa salah laku yang akan mencemarkan nama baik Universiti ini, maka tindakan tatatertib akan diambil dan kelulusan Pasca Kedoktoran ini akan ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian atau sebarang tindakan yang akan ditentukan oleh pihak Pengurusan Universiti ;

- iii) Dalam tempoh Pasca Kedoktoran ini, pegawai tidak dibenarkan membuat perjalanan ke lain-lain Negara, kecuali dengan kelulusan Universiti ini. Universiti tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan yang terlibat akibat perjalanan tersebut. Sekiranya pegawai didapati atau dilaporkan melakukan perjalanan sedemikian tanpa kelulusan, maka tindakan tatatertib akan diambil dan kelulusan Pasca Kedoktoran ini boleh ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, pegawai akan panggil balik dan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian; dan
- iv) Sepanjang tempoh Pasca Kedoktoran, pegawai adalah berada di bawah kawalan dan penyeliaan tatatertib di tempat Pasca Kedoktoran.

## 21.2 KEGIATAN POLITIK

- i) Pegawai tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh kerajaan atau Universiti ini, tidak selaras dengan kepentingan pegawai atau kepentingan Universiti ini atau Negara. Dan apabila pegawai diberitahu oleh Universiti atau kerajaan bahawa apa-apa kegiatan yang diambil oleh pegawai adalah tidak selaras dengan kepentingan pegawai atau kepentingan Negara atau Universiti, maka pegawai hendaklah berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;
- ii) Pegawai tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Universiti. Universiti, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu;
- iii) Pegawai tidak boleh menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan itu adalah pada pendapat kerajaan atau Universiti ini boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Universiti. Universiti, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu; dan

- iv) Sekiranya pegawai melanggar mana-mana syarat tersebut di para (i) hingga (iii) di atas, maka tindakan tatatertib akan diambil dan kelulusan ini akan ditarik balik. Sekiranya ini berlaku, pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian

### 21.3 LAPORAN DAN PENILAIAN

- i) Pegawai dikehendaki mengemukakan laporan sebagaimana di bawah berdasarkan format dan kaedah yang sedang berkuatkuasa, iaitu:
  - a) Laporan kemajuan Pasca Kedoktoran setiap enam (6) bulan yang dikira mulai dari tempoh kelulusan; dan
  - b) Laporan lengkap sepanjang tempoh menjalani Pasca Kedoktoran dalam tempoh yang ditetapkan setelah tamat tempoh kelulusan.
- ii) Membenarkan tempat Pasca Kedoktoran menghantar laporan kemajuan pegawai ke Universiti ini.

### 22.0 PERTUKARAN PENYELIA

22.1 Dalam hal-hal tertentu, pertukaran penyelia boleh dipertimbangkan dengan mengemukakan justifikasi yang kukuh dan mendapat sokongan daripada Universiti pengajian dan diperaku/disokong oleh Dekan Fakulti/Ketua Jabatan.

22.2 Pertukaran penyelia hanya dipertimbangkan bagi kes-kes seperti berikut:

- i) Penyelia sakit berpanjangan atau tidak berkeupayaan untuk menyelia;
- ii) Penyelia meninggal dunia;
- iii) Penyelia meninggalkan jawatannya di universiti;
- iv) Perselisihan pendapat di antara pegawai dengan penyelia yang tidak boleh diselesaikan\*;
- v) Penyelia tidak dapat menyediakan kemudahan dan bimbingan yang sewajarnya\*.

\*Bagi kes-kes ini, bukti yang sewajarnya hendaklah diberikan.

### 23.0 PERTUKARAN BIDANG/TEMPAT PASCA KEDOKTORAN

- 23.1 Pegawai mestilah mengikuti Pasca Kedoktoran di tempat sebagaimana yang dinyatakan di dalam surat kelulusan
- 23.2 Pegawai tidak dibenarkan bertukar bidang atau program atau tempat penyelidikan tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan dan kelulusan secara bertulis dari pihak Universiti ini dan pihak penaja.

### 24.0 PENANGGUHAN PASCA KEDOKTORAN

Pegawai tidak dibenarkan membuat sebarang penangguhan Pasca Kedoktoran **TANPA** terlebih dahulu mendapat kebenaran Universiti ini dan penaja. Jika **ini berlaku** pegawai akan ditamatkan program ini dan penajaannya. Pegawai akan dipanggil balik dan akan dikenakan tindakan tatatertib serta membayar gantirugi kerana melanggar perjanjian.

### 25.0 PELANJUTAN TEMPOH PASCA KEDOKTORAN

**TIADA** lanjutan tempoh dibenarkan selepas daripada tempoh yang telah diluluskan


### 26.0 GAGAL PASCA KEDOKTORAN


- 26.1 Sekiranya Universiti mendapati bahawa pegawai telah mengabaikan tanggungjawabnya yang mengakibatkan laporan kemajuan pegawai tidak memuaskan, kelulusan Pasca Kedoktoran ini akan ditarik balik
- 26.2 Sekiranya ini berlaku, pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

## 27.0 HAK UNIVERSITI

- 27.1 Walau apapun perbekalan dalam surat kelulusan Pasca Kedoktoran ini, Universiti ini berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/atau tambahan tersebut;
- 27.2 Universiti juga berhak menarik balik kelulusan Pasca Kedoktoran ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan Universiti tidak akan melayani apa-apa tuntutan gantirugi berkenaan/akibat dari perkara ini.

## 28.0 CARTA ALIR





**BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**JABATAN PENDAFTAR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**